

## **SYARAT-SYARAT KEBENARAN MENGAJAR AL-QURAN / UGAMA / BERCERAMAH UGAMA, MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI**

Pemegang Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama yang telah diberikan kebenaran oleh Majlis Ugama Islam Brunei, hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- Tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, ajaran, fahaman dan amalan yang lazim terpakai di Negara ini;
- Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan hak mutlak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- Tidak menyentuh isu-isu politik;
- Tidak menyentuh hal-hal peribadi mana-mana individu;
- Tidak menghina mana-mana pihak berkuasa Ugama;
- Hendaklah mematuhi apa-apa undang-undang, peraturan atau panduan yang telah ditetapkan;
- Jangan menimbulkan perselisihan pendapat atau mempertikaikan penceramah lain di hadapan umum sehingga menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan orang ramai;
- Jangan menimbulkan dan membangkitkan semangat perkauman atau mempersoalkan serta mempertikaikan mana-mana pemimpin yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian Negara;
- Jangan menjadikan medan ceramah sebagai ruang untuk mempengaruhi masyarakat ke arah fahaman yang ekstrem tentang Islam seperti penafsiran jihad yang sempit yang boleh mencemarkan imej Islam.

**Peringatan:** Mana-mana pemegang Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama dan Kebenaran Berceramah Ugama yang didapati melanggar mana-mana syarat di atas boleh diambil tindakan undang-undang dan Surat Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama atau Kebenaran berceramah boleh ditarik balik atau di batalkan.

Disediakan oleh:

Bahagian Undang-Undang,  
Jabatan Majlis Ugama Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.